



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

1249/1

Kertas 1


1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

- 1 Rajah berikut merujuk kepada hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka yang mewujudkan persefahaman dan ikatan antara golongan pemerintah dengan golongan diperintah.



Rajah 1

Bagaimanakah persefahaman tersebut dapat diwujudkan?

- A Upacara kesetiaan
 B Hubungan timbal balik
 C Raja dianggap sebagai tuhan
 D Ketegasan sistem perundangan
- 2 Pasangan manakah yang betul tentang konsep jenis wilayah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

	Wilayah Naungan	Wilayah Taklukan
A	Kawasan pemerintahan raja	Kawasan yang dikurniakan kepada pembesar
B	Kawasan yang bebas cukai	Kawasan yang diterima dan diakui oleh rakyat
C	Wilayah yang diperoleh melalui peperangan	Wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka
D	Tempat raja bersemayam	Tempat rakyat menjalankan kegiatan pertanian

- 3 Gambar 1 merujuk tokoh yang mengetuai pemberontakan di Myanmar (1930–1932).



Gambar 1

Apakah perjuangan beliau?

- A Menentang imperialisme British
 B Membantah pemerintahan raja
 C Memelihara kedaulatan negara
 D Menggalakkan pendidikan Barat
- 4 Maklumat berikut merujuk akhbar tempatan pada awal abad ke-20.

- *The Malay Mail*
- *The Malaya Tribune*

Apakah kesan penerbitan akhbar tersebut terhadap orang Melayu?

- A Menentang penjajahan British
 B Memperkukuh perpaduan kaum
 C Melibatkan diri dalam persatuan
 D Melanjutkan pelajaran ke luar negara
- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan badan penyiasat yang dibentuk oleh British pada awal abad ke-20 di negara kita.

- Jabatan Siasatan Jenayah
- Biro Siasatan Politik

Apakah tujuan penubuhan badan tersebut?

- A Menghapuskan gerila komunis
 B Menjaga keselamatan perairan
 C Mengawal gerakan Islam Islamiah
 D Mengelakkan berlaku perang saudara

- 6 Selepas pendudukan Jepun, orang Melayu menubuhkan Gerakan Fi-Sabilillah. Mengapakah gerakan tersebut dibentuk?
- A Menjaga keharmonian kaum
 B Menentang kezaliman komunis
 C Mengekalkan kedaulatan negara
 D Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
- 7 Gambar 2 merupakan tokoh wanita yang amat berjasa kepada negara kita.



Gambar 2

Apakah jasa beliau?

- A Memperjuangkan pendidikan untuk wanita
 B Membantah kepimpinan golongan agama
 C Meningkatkan kemajuan ekonomi negara
 D Mempertahankan hak-hak bangsa
- 8 Maklumat berikut menunjukkan tindakan British terhadap Barisan Pemuda Sabah (BARIP).

Pemimpin	Tindakan British
Pengiran Muhd Yusof Jamil Umar	Menghantar beliau berkursus ke Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)
H.M. Salleh	Menawarkan beliau bekerja dengan kerajaan

Mengapakah British mengambil tindakan tersebut?


- A Melumpuhkan gerakan nasionalisme
 B Memberi latihan berkerajaan sendiri
 C Memelihara kepentingan peribumi
 D Mengembangkan ekonomi negeri

- 9 Pernyataan berikut berkaitan dengan gabungan PUTERA-AMCJA.

Hasrat AMCJA untuk bekerjasama dengan orang-orang Melayu akhirnya menjadi kenyataan bila PKMM bergabung dengan API, BATAS, AWAS, GERAM dan Hizbul Muslimin untuk menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) pada 22 Februari 1947. PUTERA kemudian bergabung dengan AMCJA.

Apakah perkara penting dalam perjuangan gabungan tersebut?

- A Memelihara kedaulatan negara
 B Menyeimbang komposisi rakyat
 C Menentang perjanjian persekutuan
 D Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- 10 Rajah 2 berkaitan dengan perkembangan politik di negara kita.



Rajah 2

Apakah perkembangan politik tersebut?

- A Perlembagaan Rakyat 1947
 B Perjanjian Malayan Union 1946
 C Pembentukan Jawatankuasa Kerja 1946
 D Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
- 11 Parti Komunis Malaya (PKM) menyebarkan fahaman komunis dengan lebih luas di negara kita selepas Jepun menyerah kalah. Apakah yang membolehkan PKM bergiat dengan luas?
- A Kekosongan politik
 B Kelemahan British
 C Perselisihan kaum
 D Krisis kewangan

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 12 Jadual berikut berkaitan dengan kesan usaha kerajaan melonggarkan syarat kewarganegaraan.

Tarikh	Jumlah kaum bukan Melayu yang layak menjadi warganegara
14 September 1952	1.2 juta orang Cina
	180 ribu orang India

Mengapakah usaha tersebut diambil?

- A Memenuhi tenaga kerja
 B Memupuk ketaatsetiaan
 C Memulakan pendidikan asing
 D Mengatasi ancaman komunis
- 13 Pernyataan berikut merujuk moto Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

<p>Moto CLC</p> <p>“Kesamaan dan Keadilan untuk Penduduk Tanah Melayu.”</p>
--

Apakah implikasi moto tersebut?

- A Penyelesaian masalah melalui perundingan
 B Kestabilan politik menjamin kedaulatan negara
 C Keteguhan sistem kehakiman menjamin keadilan
 D Perpaduan kaum ke arah status berkerajaan sendiri
- 14 Gambar 3 menunjukkan logo Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MIC dan MCA.



Gambar 3

Apakah kesan pembentukan Parti Perikatan terhadap negara?

- I Mencapai kemerdekaan
 II Memulihkan kedudukan raja
 III Mengatasi cabaran dasar luar
 II Memperkuh perpaduan kaum
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 15 Jadual 1 menunjukkan pilihan raya yang diadakan di negara kita.

Tahun	Pilihan Raya
1951	Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town, Pulau Pinang
1952	Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
1954	Pilihan raya peringkat negeri

Jadual 1

Apakah kepentingan pilihan raya tersebut?

- A Memulakan pendidikan kebangsaan
 B Mencerminkan amalan demokrasi
 C Memelihara kedaulatan negara
 D Melahirkan golongan nasionalis
- 16 Gambar 4 menunjukkan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.



Gambar 4

Apakah nilai yang menjayakan pembentukan kabinet pertama?

- A Berkompromi
 B Bertoleransi
 C Beramanah
 D Berdikari

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar.

Bagaimanakah reaksi Parti Negara seterusnya?

- A Mengadakan kongres
 B Bersekutu dengan PUTERA-AMCJA
 C Menyeru perlembagaan baharu dibentuk
 D Berlepas ke London berunding dengan British
- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha wakil Tanah Melayu.

Tarikh	9 Mei 1957
Usaha	Berlepas ke London mengadakan rundingan dengan British

Apakah isu yang akan dikemukakan dalam rundingan tersebut?

- A Kuasa mutlak raja
 B Pelantikan Gabenor
 C Isu kewarganegaraan
 D Pemisahan Singapura
- 19 Gambar 5 menunjukkan pemasyhuran kemerdekaan negara kita.




Gambar 5

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan peristiwa tersebut?

- I Raja-raja Melayu kehilangan kuasa
 II Negara kita bebas dan berdaulat
 III Permuafakatan kaum adalah penting
 IV Penyelesaian masalah melalui keganasan
- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 20 Rajah 3 berkaitan dengan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu.



Rajah 3


Apakah X?

- A Rakyat
 B Kerajaan
 C Wilayah pengaruh
 D Lambang kebangsaan
- 21 Maklumat berikut menerangkan ciri negara yang berdaulat.

- Mempunyai pemerintahan
- Mempunyai sempadan
- Mempunyai perundangan
- Mempunyai rakyat

Apakah kepentingan ciri tersebut terhadap negara kita?

- A Mengukuhkan kuasa pemerintah
 B Memperkuat pasukan tentera
 C Mempunyai identiti tersendiri
 D Melindungi tradisi rakyat
- 22 Rajah 4 merujuk kepada usaha untuk mengekalkan perpaduan kaum.



Rajah 4

Mengapakah perpaduan kaum penting?

- A Mempertahankan kedaulatan
 B Meningkatkan disiplin rakyat
 C Menangani ancaman luar
 D Menumpukan taat setia

- 23 Apakah antara ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan?
 A Agama Islam
 B Kewarganegaraan
 C Kerajaan Persekutuan
 D Penubuhan kesultanan
- 24 Pindaan Perlembagaan 1965 adalah mengenai X. Apakah X?
 A Perak
 B Singapura
 C Pulau Pinang
 D Wilayah Borneo

- 25 Gambar 6 menunjukkan persidangan Durbar pertama di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1897.



Gambar 6

Apakah peranan Raja-raja Melayu dalam Durbar?


- A Menggariskan dasar kerajaan
 B Menggubal undang-undang negeri
 C Membincangkan hal ehwal pentadbiran
 D Melantik pegawai awam dalam kerajaan
- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran negara kita.

Konflik berlaku antara Badan Perundangan dengan Badan Eksekutif berkaitan dengan undang-undang.

Bagaimanakah konflik tersebut dapat diselesaikan?

- A Melalui Badan Kehakiman
 B Dibahaskan di Dewan Rakyat
 C Menerusi pilihan raya umum
 D Dibawa mesyuarat ke Parlimen

- 27 Peta 1 menunjukkan kawasan perlindungan hidupan liar dan taman negara di Semenanjung Malaysia.



Peta 1

Mengapakah diwujudkan kawasan perlindungan tersebut?

- A Mengindahkan alam sekitar
 B Memulihara khazanah negara
 C Memaksimumkan keuntungan
 D Meningkatkan industri pelancongan
- 28 Maklumat berikut merujuk kepada kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri
Melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR)	Menubuhkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) melalui peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan

Mengapakah kerjasama tersebut diwujudkan?

- A Memberikan pekerjaan kepada golongan miskin
 B Meningkatkan taraf hidup rakyat bandar
 C Memajukan kawasan perumahan
 D Membasmi kemiskinan

- 29 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) dibentuk pada tahun 1961. Apakah matlamat pembentukan jawatankuasa tersebut?
- A Menentang Malaysia
 B Mendapat pandangan
 C Melicinkan pentadbiran
 D Mengadakan pilihan raya

- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia.

Tarikh	November 1961
Tempat	London
Peristiwa	Rundingan London
Pihak	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu • Kerajaan British

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Pemisahan Singapura
 B Penghapusan ancaman komunis
 C Penyelesaian isu kedudukan bumiputera
 D Pembentukan suruhanjaya untuk meninjau reaksi rakyat
- 31 Pernyataan berikut berkaitan dengan krisis politik yang berlaku di Sarawak.

Krisis Perlembagaan Sarawak 1966 mengambil tempat di Sarawak, Malaysia. Kerajaan Persekutuan Malaysia telah mengisytiharkan darurat di Sarawak pada bulan September 1966.

Apakah isu yang membawa kepada krisis tersebut?


- A Permasalahan kewangan
 B Kepimpinan Ketua Menteri
 C Peruntukan kerusi Parlimen
 D Kedudukan istimewa bumiputera
- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan penentangan komunis di Sarawak menerusi dua pasukan.

- Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU)
- Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)

- Mengapakah komunis meneruskan perjuangan mereka di Sarawak melalui pasukan tersebut?
- A Memusnahkan institusi beraja
 B Menentang penjajahan British
 C Menguasai ekonomi komersial
 D Membentuk Republik Komunis

- 33 Masalah perpaduan di negara wujud sejak kehadiran British. Apakah punca masalah tersebut?
- I Fahaman politik perkauman
 II Perbezaan kegiatan ekonomi
 III Sistem pendidikan kebangsaan
 IV Penekanan terhadap bahasa Inggeris
- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 34 Gambar 7 merujuk kepada Akta Pendidikan 1996.



Gambar 7

Bagaimanakah akta tersebut memartabatkan bahasa kebangsaan?

- A Digunakan sepenuhnya di mahkamah
 B Sebagai bahasa rasmi di jabatan kerajaan
 C Sebagai bahasa kedua di sekolah jenis kebangsaan
 D Digunakan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan
- 35 Maklumat berikut merujuk kepada usaha kerajaan Malaysia.

Tarikh	20 Disember 1974
Usaha Kerajaan	Tun Abdul Razak Hussein melancarkan Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan

Apakah matlamat rancangan tersebut?

- A Menyelaraskan dasar ekonomi
- B Meningkatkan pendapatan rakyat
- C Memperkemas sistem pemasaran
- D Membangunkan kawasan luar bandar

36 Berikut berkaitan dengan pemilikan modal saham oleh kaum bumiputera.

- Amanah Saham Nasional (ASN)
- Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Mengapakah kerajaan melakukan usaha tersebut?

- A Melahirkan golongan kaya
- B Memperkuat organisasi parti
- C Menyusun semula masyarakat
- D Mengiktiraf kedudukan peribumi

37 Pelibatan Malaysia dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB.

Bagaimanakah pegawai pemerhati menjalankan tugasnya?

- A Membina kubu
- B Membawa senjata
- C Menjadi jurubahasa
- D Menyebarkan risalah

38 Maklumat berikut berkaitan dengan penyertaan Malaysia dalam Komanwel.

Malaysia menyertai Rancangan Colombo di bawah Komanwel.

Apakah tujuan rancangan tersebut?

- A Menghadapi masalah kemiskinan
- B Menkuatkuasakan undang-undang
- C Membantu golongan pelarian negara
- D Meningkatkan kerjasama kebudayaan

39 Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

- Muslim Care Malaysia
- Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

Apakah perjuangan NGO tersebut?

- A Mengekalkan keamanan dunia
- B Memberikan perlindungan politik
- C Membantu golongan yang tertindas
- D Meningkatkan perniagaan orang Islam

40 Malaysia menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara pada tahun 1995. Apakah sebab pelibatan Malaysia dalam perjanjian tersebut?

- A Menguji kekuatan senjata
- B Memupuk keamanan dunia
- C Memajukan sektor perindustrian
- D Menjamin keselamatan serantau

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



NO. PENGENALAN DIRI

--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

Kertas 2

2 jam 30 minit

1249/2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

**UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN**

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB

NO. PUSAT MENUMPANG

--	--	--	--	--

**D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN
ATAU PERALATAN TAMBAHAN**

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**


- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN	TANDATANGAN
---------------------------------	-------------

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 Peta 1 menunjukkan kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu.



Peta 1

(a) Nyatakan slogan yang digunakan oleh Jepun untuk menguasai negara kita.

.....

.....

[2 markah]

(b) Gambar 1 menunjukkan penggunaan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar di sekolah.



Gambar 1

Berdasarkan gambar tersebut dan pengetahuan sejarah anda, jelaskan usaha Jepun dalam menjalankan dasar pendidikan di negara kita.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Mengapakah pentadbiran Jepun memperkenalkan sistem persekolahan Jepun?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Gambar berikut menunjukkan sebilangan Ahli dalam Sistem Ahli 1951.



Gambar 2



Gambar 3



Gambar 4

(a) Nyatakan dua orang Ahli lain dalam Sistem Ahli 1951.

.....
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah Sistem Ahli diwujudkan?

.....
.....

[2 markah]

(c) Apakah portfolio yang masih kekal di bawah pentadbiran British.

.....
.....


[2 markah]

(d) Sistem Ahli menjadi asas kepada pembentukan Jemaah Menteri hari ini. Bandingkan Sistem Ahli dengan Jemaah Menteri hari ini.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Rajah berikut berkaitan dengan jawatankuasa yang dibentuk di Sarawak dan Sabah.



(a) Apakah matlamat penubuhan kedua-dua jawatankuasa?

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua jawatankuasa tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pelbagai bentuk amat penting bagi memelihara kedaulatan negara.
Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama negara anggota Komanwel dalam menangani isu alam sekitar.

Tahun	1989
Tempat	Pulau Langkawi
Peristiwa	Pengisytiharan Deklarasi Langkawi

- (a) Nyatakan isu alam sekitar yang dihadapi itu?

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Negara Malaysia amat komited terhadap isu alam sekitar.
Berikan bukti untuk menyokong pernyataan tersebut.

.....

[4 markah]

- (c) Mengapakah usaha menjaga kelestarian alam sekitar sentiasa menjadi agenda utama negara dunia?

.....


[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5 Rajah 1 berkaitan dengan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Rajah 1

(a) Berdasarkan rajah tersebut, jelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. [6 markah]

(b) Gambar 5 merujuk kepada undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Gambar 5

Berdasarkan undang-undang tersebut, jelaskan sebab pelaksanaannya dalam Kesultanan Melayu Melaka. [6 markah]

(c) Keunggulan pentadbiran dan undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka yang diwarisi dan diamalkan kini mampu mengukuhkan negara bangsa kita.

Berikan ulasan anda.

[8 markah]

6 Gambar 6 berkaitan perkembangan nasionalisme Cina di negara kita.



Gambar 6: Akhbar *Lat Pau*

- (a) Bagaimanakah akhbar tersebut membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Cina? [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan akhbar tempatan.

- *Warta Malaya*
- *Utusan Melayu*
- *Fajar Sarawak*

Berdasarkan akhbar tersebut, jelaskan isu yang dibangkitkan.

[8 markah]

- (c) Maklumat berikut merujuk kepada akhbar tempatan hari ini.

- *The Star*
- *Utusan Melayu*
- *The New Straits Times*
- *Berita Harian*

Apakah peranan akhbar masa kini?

[8 markah]

7 Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

- (a) Jelaskan sistem pemerintahan dan pentadbiran negara selepas negara merdeka. [6 markah]
- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan pengisian kemerdekaan.

“Bukan kecil tugas kita, meneruskan perjuangan kemerdekaan kita, kerana rupanya selain kemerdekaan, mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara,”
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Sumber: bernama.com

Jelaskan dasar luar negara sebagai langkah mengisi kemerdekaan sebaik sahaja mencapai kemerdekaan. [6 markah]

- (c) Gambar 6 menunjukkan logo dan tema Kemerdekaan 2013.




Gambar 7

Berikan ulasan anda tentang tema tersebut.

[8 markah]

8 Rajah 2 merujuk kepada sistem pendidikan di negara kita pada zaman pemerintahan British.



Rajah 2

- (a) Berdasarkan rajah di atas dan pengetahuan sejarah anda, mengapakah sistem pendidikan semasa pemerintahan British tidak menggalakkan perpaduan kaum? [6 markah]
- (b) Gambar 8 berkaitan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) yang dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum.



Gambar 8

Bagaimanakah tujuan DPK dapat dicapai?

[6 markah]

- (c) Petikan berikut berkaitan isu perpaduan kaum di Malaysia.

“Tugas paling mendesak bagi rakyat Malaysia kini tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan fahaman politik adalah memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh,” Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye.

Sumber: Berita Harian Online

Berikan ulasan anda.

[8 markah]

9 Gambar 9 merujuk kepada logo pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia.



Gambar 9

- (a) Mengapakah Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa tersebut? [4 markah]
- (b) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam NAM. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam pertubuhan antarabangsa?
Berikan cadangan anda. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT